



NEGERI SELANGOR

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 68  
No. 21

**19hb Oktober 2015**

*TAMBAHAN No. 6  
ENAKMEN*

---

Enakmen-enakmen yang berikut, yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Selangor dan dipersetujui oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, adalah diterbitkan menurut Fasal (4) Perkara LXXVIII Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor:

The following Enactments, passed by the Selangor Legislative Assembly and assented to by His Royal Highness the Sultan of Selangor, are published pursuant to Clause (4) of Article LXXVIII of the Second Part of the Laws of the Constitution of Selangor:

No.	Tajuk ringkas/Short title
Enakmen 15	Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015
Enactment 15	<i>Wakaf</i> (State of Selangor) Enactment 2015
Enakmen 16	Enakmen Tabung Amanah Warisan Anak Selangor 2015
Enactment 16	Tabung Amanah Warisan Anak Selangor Enactment 2015



# **UNDANG-UNDANG NEGERI SELANGOR**

**Enakmen 15**

**ENAKMEN WAKAF (NEGERI SELANGOR) 2015**

Tarikh Perkenan Diraja ... .. 30 September 2015

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... .. 19 Oktober 2015

Hakcipta Pencetak (H)

**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

**UNDANG-UNDANG NEGERI SELANGOR**  
**Enakmen 15**  
**ENAKMEN WAKAF (NEGERI SELANGOR) 2015**

---

SUSUNAN SEKSYEN

---

BAHAGIAN I

PERMULAAN

*Seksyen*

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Kecualian prerogatif

BAHAGIAN II

KUASA DAN TANGGUNGJAWAB MAJLIS

4. Majlis sebagai pemegang amanah tunggal bagi semua wakaf
5. Peletakhakan
6. Kuasa Majlis untuk membeli harta
7. Kuasa Majlis untuk istibdal
8. Perwakilan kewajipan atau kuasa Majlis

BAHAGIAN III

PELANTIKAN KETUA PENDAFTAR WAKAF DAN PENDAFTAR WAKAF

9. Ketua Pendaftar Wakaf dan Pendaftar Wakaf

BAHAGIAN IV

PEWUJUDAN WAKAF

10. Rukun wakaf
11. Syarat pewujudan wakaf

*Seksyen*

12. Jenis wakaf
13. Permulaan kuat kuasa wakaf
14. Sekatan ke atas wakaf khas
15. Pendaftaran *mawquf*
16. Penyiaran senarai *mawquf*
17. Wakaf tidak boleh dibatalkan
18. Wakaf tidak sah

## BAHAGIAN V

*MAWQUF*

19. Syarat *mawquf*
20. Jenis *mawquf*
21. Wakaf tunai
22. Saham wakaf
23. Wakaf saham
24. Wakaf hasil premis dan hasil pertanian atas tanah yang dimiliki, disewa atau dipajak
25. Hak *waqif* ke atas manfaat *mawquf*
26. Pembangunan semula *mawquf*

## BAHAGIAN VI

*MAWQUF 'ALAIH*

27. Majlis sebagai *mawquf 'alaih*
28. Penetapan syarat khusus kepada *mawquf 'alaih*
29. Pembahagian manfaat, kepentingan atau keuntungan
30. Ketiadaan *mawquf 'alaih*

## BAHAGIAN VII

## WAKAF SECARA WASIAT

31. Wakaf kepada waris
32. Wakaf kepada bukan waris

*Seksyen*

33. Wakaf secara wasiat
34. Kadar wakaf secara wasiat
35. Wakaf secara wasiat yang tidak dilaksanakan

BAHAGIAN VIII

KUMPULAN WANG WAKAF

36. Kumpulan Wang Wakaf
37. Manfaat atau kepentingan daripada wakaf am dan wakaf khas
38. Penggunaan dana Kumpulan Wang Wakaf
39. Akaun dan Laporan Kumpulan Wang Wakaf

BAHAGIAN IX

PENENTUAN HUKUM SYARAK

40. Rujukan kepada Jawatankuasa Fatwa
41. Istibdal *mawquf*
42. *Mawquf* wakaf khas terbiar

BAHAGIAN X

PERUNTUKAN AM

43. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan
44. Kawalan Majlis atau Perbadanan ke atas *mawquf*
45. Mentadbir atau mengurus wakaf am atau wakaf khas tanpa kebenaran Majlis atau Perbadanan
46. Pengertian surat cara atau perisytiharan
47. Hukum Syarak
48. Pemansuhan
49. Kecualian dan peralihan

JADUAL

1000

-----

-----

-----

**UNDANG-UNDANG NEGERI SELANGOR****Enakmen 15****ENAKMEN WAKAF (NEGERI SELANGOR) 2015**

BETA PERKENANKAN,

(MOHOR  
KERAJAAN)SHARAFUDDIN IDRIS SHAH,  
*Sultan Selangor*

30 September 2015

Suatu Enakmen bagi mengadakan peruntukan yang berhubungan dengan wakaf dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Badan Perundangan Negeri Selangor seperti yang berikut:

**BAHAGIAN I****PERMULAAN****Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015.

(2) Enakmen ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan melalui pemberitahuan dalam *Warta*.



**Tafsiran**

2. (1) Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Baitulmal” ertinya kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah subseksyen 81(1) Enakmen Pentadbiran;

“Enakmen Pentadbiran” ertinya Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003;

“harta” termasuklah—

- (a) harta alih, harta tak alih atau harta intelek;
- (b) apa-apa manfaat atau kepentingan dalam apa-apa harta alih, harta tak alih atau harta intelek;
- (c) apa-apa hak, kepentingan, hak milik atau selainnya yang berkaitan dengan harta alih, harta tak alih atau harta intelek; dan
- (d) kepakaran dan perkhidmatan yang mempunyai nilai mengikut Hukum Syarak;

“harta alih” ertinya harta yang boleh dialihkan termasuk saham, wang, emas, perak dan yang seumpama dengannya;

“harta intelek” ertinya apa-apa yang berkaitan dengan hak cipta, paten, reka bentuk perindustrian, cakera optik, cap dagangan dan yang seumpama dengannya;

“harta tak alih” ertinya harta yang tidak boleh dialihkan termasuk tanah, bangunan dan yang seumpama dengannya;

“hibah” ertinya sesuatu akad dengan rela hati yang mengandungi penyerahan dan pemindahan hak milik apa-apa harta seseorang kepada orang lain semasa hidupnya tanpa balasan atau ganti rugi yang boleh dinikmati manfaat hartanya mengikut Hukum Syarak;

“Hukum Syarak” ertinya Hukum Syarak mengikut Mazhab Shafie atau mengikut mana-mana satu Mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali;

“istibdal” ertinya menggantikan sesuatu *mawquf* dengan suatu harta yang lain atau wang yang mempunyai nilai yang sama atau nilai yang lebih tinggi daripada *mawquf* itu, dengan menukarkan, membeli, menjual atau apa-apa cara lain mengikut Hukum Syarak;

“Jawatankuasa Fatwa” ertinya Jawatankuasa Fatwa yang ditubuhkan di bawah subseksyen 46(1) Enakmen Pentadbiran;

“Ketua Pendaftar Wakaf” ertinya Ketua Pendaftar Wakaf yang dilantik di bawah subseksyen 9(1);

“Kumpulan Wang Wakaf” ertinya Kumpulan Wang Wakaf yang ditubuhkan di bawah subseksyen 36(1);

“Mahkamah” ertinya Mahkamah Syariah yang ditubuhkan di bawah seksyen 55 Enakmen Pentadbiran;

“Majlis” ertinya Majlis Agama Islam Selangor yang ditubuhkan di bawah subseksyen 4(1) Enakmen Pentadbiran;

“*marad al maut*” ertinya suatu penyakit yang boleh membawa maut yang memenuhi syarat-syarat yang berikut:

- (a) penyakit itu pada lazimnya berakhir dengan kematian;
- (b) penyakit itu menyebabkan kebimbangan kematian dalam minda pesakit sehingga menjejaskan kewarasan akal fikiran;
- (c) hendaklah terdapat beberapa tanda luaran yang menunjukkan bahawa penyakit itu merupakan suatu penyakit yang serius; dan
- (d) penyakit itu dideritai secara berterusan dalam tempoh tidak lebih daripada satu tahun;

“*mawquf*” ertinya apa-apa harta yang diwakafkan;

“*mawquf ‘alaih*” ertinya orang yang berhak menerima apa-apa manfaat, kepentingan atau keuntungan daripada suatu *mawquf*;

“Pendaftar Wakaf” ertinya Pendaftar Wakaf yang dilantik di bawah subseksyen 9(2);

“Perbadanan” ertinya Perbadanan Wakaf Selangor yang ditubuhkan melalui Perintah Penubuhan Perbadanan Wakaf Selangor 2011 [*Sel.P.U.8/2011*];

“saham wakaf” ertinya penawaran unit saham bagi apa-apa harta yang diperoleh atau yang akan diperoleh oleh Majlis kepada mana-mana orang, pertubuhan atau institusi untuk saham itu dibeli dan kemudiannya diwakafkan kepada Majlis;

“*sighah*” ertinya suatu pernyataan wakaf sama ada secara lisan, tulisan atau melalui isyarat;

“wakaf” ertinya—

- (a) menyerahkan hak milik apa-apa harta yang boleh dinikmati manfaat atau kepentingannya;
- (b) menyerahkan manfaat atau kepentingan yang boleh dinikmati daripada apa-apa harta; atau
- (c) menyumbangkan kepakaran dan perkhidmatan yang boleh dinikmati manfaat atau kepentingannya,

sama ada sebagai wakaf am atau wakaf khas, menurut Hukum Syarak, tetapi tidak termasuk amanah yang ditakrifkan di bawah Akta Pemegang Amanah 1949 [*Akta 208*];

“wakaf am” ertinya apa-apa *mawquf* yang diwujudkan bagi tujuan kebajikan umum menurut Hukum Syarak;

“wakaf khas” ertinya apa-apa *mawquf* yang diwujudkan bagi tujuan kebajikan atau pihak yang khusus menurut Hukum Syarak;

“wakaf tunai” ertinya apa-apa sumbangan wang tunai, nilai emas atau yang seumpama dengannya daripada mana-mana orang bagi apa-apa maksud wakaf;

“wang asas wakaf” ertinya *mawquf* sama ada dalam bentuk wang tunai, harta dan hasil istibdal *mawquf*;

“wang manfaat wakaf” ertinya apa-apa hasil terbitan daripada *mawquf*;

“*waqif*” ertinya orang yang mewujudkan sesuatu wakaf;

“waris” ertinya seseorang yang berhak mewarisi sesuatu harta pusaka menurut Hukum Syarak;

“*wasi*” ertinya seseorang yang kepadanya pelaksanaan sesuatu wasiat diamanahkan termasuk seseorang yang dilantik sebagai wasi oleh Mahkamah.

(2) Semua perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Enakmen ini dan tidak ditakrifkan dalam Enakmen ini tetapi ditakrifkan dalam Bahagian I Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [Akta 388] hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Bahagian itu setakat yang pengertian itu tidak bercanggah dengan Hukum Syarak.

(3) Bagi mengelakkan keraguan tentang identiti atau pentafsiran perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Enakmen ini yang disenaraikan dalam Jadual, rujukan bolehlah dibuat kepada tulisan Arab bagi perkataan dan ungkapan itu yang ditunjukkan bersempena dengannya dalam Jadual itu.

### **Kecualian prerogatif**

3. Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyata dalam Enakmen ini, tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Enakmen ini boleh mengurangkan atau menyentuh hak-hak dan kuasa-kuasa Duli Yang Maha Mulia Sultan sebagai Ketua Agama Islam di Negeri Selangor sebagaimana yang dinyatakan dan ditetapkan dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor, 1959.

## BAHAGIAN II

## KUASA DAN TANGGUNGJAWAB MAJLIS

**Majlis sebagai pemegang amanah tunggal bagi semua wakaf**

4. (1) Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah tunggal bagi semua wakaf yang terletak di dalam Negeri Selangor dan hendaklah mempunyai kuasa untuk—

- (a) mewujudkan Perbadanan;
- (b) melantik atau memberi kebenaran bertulis kepada mana-mana orang untuk menjadi pentadbir atau pengurus dan memegang apa-apa *mawquf* bagi pihaknya; dan
- (c) mengiktiraf pelantikan mana-mana pentadbir atau pengurus dalam keadaan yang mana *waqif* telah pun melantik pentadbir atau pengurusnya sendiri tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh Majlis.

(2) Mana-mana pengurus atau pentadbir yang dilantik di bawah perenggan (b) dan (c) hendaklah mempunyai kewajipan dan tanggungjawab sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis.

(3) Majlis boleh menarik balik pengiktirafan pelantikan pentadbir atau pengurus yang dilantik oleh *waqif* yang pada pendapat Majlis adalah wajar untuk berbuat sedemikian.

(4) Majlis hendaklah mempunyai segala kuasa untuk melakukan semua perkara yang suai manfaat atau semunasabahnya perlu bagi atau bersampingan dengan pelaksanaan kewajipan dan tanggungjawabnya di bawah Enakmen ini.

**Peletakhakan**

5. (1) Semua *mawquf* yang diwujudkan di bawah Enakmen ini hendaklah terletak hak pada Majlis.

(2) Majlis boleh menuntut apa-apa manfaat atau kepentingan sesuatu *mawquf* daripada mana-mana orang mulai dari tarikh permulaan kuat kuasa wakaf itu terletak hak kepada Majlis walaupun *mawquf* itu belum didaftarkan.

### **Kuasa Majlis untuk membeli harta**

6. (1) Majlis boleh membeli apa-apa harta bagi tujuan wakaf dengan menggunakan wang daripada—

(a) Kumpulan Wang Wakaf;

(b) Baitulmal; atau

(c) sumber-sumber lain yang dibenarkan mengikut Hukum Syarak.

(2) Pendaftar Wakaf hendaklah mendaftarkan apa-apa harta yang dibeli oleh Majlis di bawah subseksyen (1) sebagai *mawquf*.

### **Kuasa Majlis untuk istibdal**

7. Majlis boleh mengistibdalkan apa-apa *mawquf* tertakluk kepada seksyen 41.

### **Pewakilan kewajipan atau kuasa Majlis**

8. (1) Majlis boleh, melalui ketetapan, dan tertakluk kepada syarat dan sekatan yang difikirkan patut oleh Majlis, mewakilkan kepada Perbadanan penunaian mana-mana kewajipannya atau perjalanan mana-mana kuasanya di bawah Enakmen ini.

(2) Pelaksanaan kewajipan dan perjalanan kuasa menurut perwakilan di bawah subseksyen (1) hendaklah tertakluk kepada kawalan dan arahan Majlis.

(3) Perbadanan hendaklah memberitahu Majlis tentang semua tindakan dan perkara yang dilakukan olehnya menurut perwakilan itu.

## BAHAGIAN III

PELANTIKAN KETUA PENDAFTAR WAKAF DAN  
PENDAFTAR WAKAF**Ketua Pendaftar Wakaf dan Pendaftar Wakaf**

9. (1) Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan hendaklah menjadi Ketua Pendaftar Wakaf.

(2) Perbadanan boleh melantik seberapa ramai Pendaftar Wakaf yang difikirkannya perlu bagi maksud Enakmen ini.

(3) Ketua Pendaftar Wakaf dan Pendaftar Wakaf hendaklah bertanggungjawab untuk—

- (a) mendaftar atau menyebabkan supaya didaftarkan semua *mawquf* yang diwujudkan di bawah Enakmen ini;
- (b) menyimpan dan menyenggara atau menyebabkan supaya disimpan atau disenggara suatu daftar bagi semua *mawquf* dalam apa-apa bentuk atau mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Perbadanan;
- (c) menyimpan dan memegang semua surat cara, dokumen hakmilik atau dokumen lain yang berhubungan dengan mana-mana *mawquf* yang terletak hak pada Majlis;
- (d) memaklumkan jumlah *mawquf* yang didaftarkan dalam Daftar Wakaf kepada Majlis dari semasa ke semasa; dan
- (e) melaksanakan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang diarahkan oleh Majlis atau Perbadanan dari semasa ke semasa.

(4) Pendaftar Wakaf hendaklah bertindak di bawah kawalan am dan arahan Ketua Pendaftar Wakaf.

BAHAGIAN IV

PEWUJUDAN WAKAF

**Rukun wakaf**

10. Rukun wakaf adalah seperti yang berikut:

- (a) *waqif*;
- (b) *mawquf 'alaih*;
- (c) *mawquf*; dan
- (d) *sighah*.

**Syarat pewujudan wakaf**

11. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam Enakmen ini, mana-mana orang yang—

- (a) sudah mencapai umur lapan belas tahun;
- (b) sempurna akal;
- (c) tidak diisytiharkan bankrap; dan
- (d) dengan rela hati,

boleh menyerahkan hartanya sebagai suatu *mawquf* bagi apa-apa tujuan kebajikan menurut Hukum Syarak.

(2) Sesuatu wakaf hendaklah diwujudkan melalui *sighah* di hadapan dua orang saksi menurut Hukum Syarak.

**Jenis wakaf**

12. Jenis wakaf yang boleh diwujudkan di bawah Enakmen ini ialah—

- (a) wakaf am; dan
- (b) wakaf khas.



**Permulaan kuat kuasa wakaf**

13. (1) Sesuatu wakaf hendaklah mula berkuat kuasa apabila segala rukun dan syarat bagi pewujudan sesuatu wakaf menurut Hukum Syarak telah dipenuhi.

(2) *Mawquf* yang telah mula berkuat kuasa tidak boleh dijual, diberikan sebagai hibah atau diwarisi oleh mana-mana orang.

**Sekatan ke atas wakaf khas**

14. Sesuatu wakaf khas yang dibuat selepas berkuat kuasanya Enakmen ini hendaklah terbatal dan tidak sah melainkan jika setelah mendapat kebenaran Majlis.

**Pendaftaran *mawquf***

15. (1) Mana-mana orang yang ingin mewakafkan hartanya sebagai *mawquf* boleh berbuat sedemikian dengan mengisi borang sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan.

(2) Mana-mana permohonan pendaftaran *mawquf* yang diterima oleh Perbadanan di bawah subseksyen (1) hendaklah didaftarkan oleh Pendaftar Wakaf dalam Daftar Wakaf dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan.

(3) Perbadanan hendaklah mengadakan suatu Daftar Wakaf bagi—

(a) apa-apa *mawquf* yang mana Majlis menjadi pemegang amanah tunggal; dan

(b) apa-apa *mawquf* yang mana Majlis menjadi *mawquf 'alaih*.

(4) Daftar Wakaf hendaklah menjadi bukti muktamad tentang fakta yang dinyatakan dalam Daftar Wakaf itu.

(5) Segala surat cara yang mewujudkan, yang menjadi keterangan, atau yang menyentuh mana-mana wakaf, berserta dengan mana-mana dokumen hakmilik atau cagaran lain yang berhubungan dengannya, hendaklah dipegang dan disimpan oleh Ketua Pendaftar Wakaf.

(6) Walau apa pun subseksyen (2), tiada wakaf boleh menjadi tidak sah semata-mata kerana wakaf itu tidak didaftarkan.

### **Penyiaran senarai *mawquf***

16. Majlis hendaklah menyediakan, mengeluarkan dan menyiarkan dalam *Warta* suatu senarai tentang semua harta, pelaburan dan aset yang terletak hak kepada Majlis berkenaan dengan mana-mana wakaf yang diwujudkan di bawah Enakmen ini dari semasa ke semasa.

### **Wakaf tidak boleh dibatalkan**

17. Sesuatu wakaf yang disempurnakan menurut Hukum Syarak tidak boleh dibatalkan oleh *waqif*.

### **Wakaf tidak sah**

18. Sesuatu wakaf adalah tidak sah jika—

- (a) wakaf itu dibuat bagi apa-apa tujuan maksiat;
- (b) wakaf itu dibuat kepada mana-mana orang bagi suatu maksud yang bukan untuk menghampirkan diri kepada Allah; atau
- (c) wakaf itu tidak selaras dengan Hukum Syarak.

## **BAHAGIAN V**

### **MAWQUF**

### **Syarat *mawquf***

19. (1) *Mawquf* hendaklah suatu harta yang—

- (a) dimiliki oleh *waqif*;

- (b) boleh dipindah milik atau diserahkan tanpa apa-apa halangan; dan
- (c) boleh memberikan apa-apa manfaat, kepentingan atau keuntungan kepada *mawquf 'alaih*.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), sesuatu wakaf itu adalah sah walaupun pada masa wakaf itu diwujudkan—

- (a) *mawquf* itu tidak menghasilkan apa-apa manfaat, kepentingan atau keuntungan; atau
- (b) *mawquf* itu masih dalam sewaan atau pajakan.

(3) Apa-apa manfaat atau keuntungan yang diperoleh daripada sesuatu *mawquf* hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Wakaf.

### **Jenis *mawquf***

20. *Mawquf* boleh terdiri daripada—

- (a) harta alih;
- (b) harta tak alih;
- (c) manfaat daripada harta alih atau harta tak alih;
- (d) harta intelek; atau
- (e) kepakaran atau perkhidmatan.

### **Wakaf tunai**

21. Perbadanan boleh menerima wakaf tunai daripada mana-mana orang, pertubuhan atau institusi bagi maksud apa-apa wakaf.

### **Saham wakaf**

22. (1) Perbadanan boleh menawarkan apa-apa saham wakaf kepada mana-mana orang, pertubuhan atau institusi sebagaimana yang difikirkannya perlu bagi maksud apa-apa wakaf.

(2) Apa-apa harta yang diperoleh daripada hasil jualan saham wakaf di bawah subseksyen (1) hendaklah menjadi suatu *mawquf*.

MISALAN

Perbadanan hendak membeli bangunan B yang berharga RM10 juta. Modal bagi pembelian bangunan B tersebut diperoleh daripada hasil jualan unit saham wakaf kepada mana-mana orang, pertubuhan atau institusi dan kemudiannya diwakafkan kepada Majlis.

**Wakaf saham**

23. (1) Perbadanan boleh menerima—

- (a) saham, bon, sukuk atau surat cara lain bagi jaminan berharga; dan
- (b) manfaat daripada unit saham, bon, sukuk atau surat cara lain bagi jaminan berharga tersebut,

yang diwakafkan oleh mana-mana orang, pertubuhan atau institusi dengan syarat bahawa perniagaan atau pelaburan yang dijalankan selaras dengan Hukum Syarak.

(2) Mana-mana harta yang diperoleh atau dibangunkan daripada hasil jualan saham, bon, sukuk atau surat cara lain bagi jaminan berharga di bawah perenggan (1)(a) hendaklah menjadi suatu *mawquf*.

MISALAN

- (a) A memiliki seribu unit saham dalam syarikat B. A boleh mewakafkan semua atau sebahagian unit saham tersebut untuk tujuan wakaf am atau wakaf khas kepada Majlis.
- (b) A memiliki seribu unit saham dalam syarikat B. A boleh mewakafkan dividen daripada unit saham tersebut untuk tujuan wakaf am atau wakaf khas kepada Majlis.

**Wakaf hasil premis dan hasil pertanian atas tanah yang dimiliki, disewa atau dipajak**

24. Seseorang *waqif* boleh mewakafkan—

- (a) hasil sewaan atau pajakan mana-mana premis yang dimilikinya;
- (b) hasil sewaan atau pajakan mana-mana premis yang dimilikinya di atas mana-mana tanah yang disewa atau dipajak olehnya; atau
- (c) apa-apa hasil pertanian, perladangan, penternakan atau sebagainya yang diperoleh daripada tanah yang dimiliki, disewa atau dipajak olehnya.

**Hak *waqif* ke atas manfaat *mawquf***

25. Seseorang *waqif* yang berwakaf untuk kebajikan umum boleh menikmati manfaat *mawqufnya*.

**Pembangunan semula *mawquf***

26. (1) Apa-apa *mawquf* yang musnah sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya boleh dibangunkan semula dengan menggunakan sumber yang berikut:

- (a) Kumpulan Wang Wakaf;
- (b) Baitulmal; atau
- (c) sumber lain yang dibenarkan menurut Hukum Syarak.

(2) Jika sesuatu *mawquf* musnah keseluruhannya dan telah dibangunkan semula dengan menggunakan wang daripada Baitulmal atau sumber lain yang dibenarkan menurut Hukum Syarak, harta itu hendaklah menjadi suatu *mawquf*.

BAHAGIAN VI

MAWQUF 'ALAIH

**Majlis sebagai *mawquf 'alaih***

27. Majlis boleh menjadi *mawquf 'alaih* bagi apa-apa *mawquf* yang terletak di dalam atau di luar Negeri Selangor.

**Penetapan syarat khusus kepada *mawquf 'alaih***

28. Seseorang yang berhasrat untuk mewakafkan hartanya boleh menetapkan apa-apa syarat khusus kepada *mawquf 'alaih* sebelum *mawquf 'alaih* itu menjadi berhak kepada manfaat atau kepentingan *mawquf* itu.

**Pembahagian manfaat, kepentingan atau keuntungan**

29. Jika terdapat lebih daripada seorang *mawquf 'alaih* dalam suatu wakaf khas dan *waqif* tidak menentukan bahagian mereka masing-masing terhadap manfaat, kepentingan atau keuntungan *mawquf* itu, Perbadanan hendaklah membahagikan manfaat, kepentingan atau keuntungan itu sama rata di kalangan mereka.

**Ketiadaan *mawquf 'alaih***

30. (1) Perbadanan hendaklah mendapatkan keputusan Jawatankuasa Fatwa jika —

- (a) seorang *waqif* tidak menamakan *mawquf 'alaih*;
- (b) dalam hal orang perseorangan, *mawquf 'alaih* itu meninggal dunia;
- (c) dalam hal suatu pertubuhan perbadanan, *mawquf 'alaih* itu tidak lagi wujud; atau
- (d) *mawquf 'alaih* itu tidak dapat dikesan selepas tempoh setahun dari wakaf itu mula berkuat kuasa.

(2) Peruntukan subseksyen (1) hendaklah juga terpakai bagi apa-apa manfaat, kepentingan atau keuntungan mana-mana *mawquf 'alaih* yang disebut dalam subseksyen (1).

(3) *Mawquf 'alaih* tidak berhak ke atas apa-apa manfaat, kepentingan atau keuntungan *mawquf* itu sebelum keputusan Jawatankuasa Fatwa di bawah subseksyen (2) diperolehi.

(4) Bagi maksud perenggan 1(d) dan subseksyen (3), seorang *mawquf 'alaih* boleh memohon satu perintah mahkamah bagi mendapatkan haknya ke atas *mawquf* tersebut.

## BAHAGIAN VII

### WAKAF SECARA WASIAT

#### Wakaf kepada waris

31. (1) Mana-mana orang yang berhasrat untuk berwakaf boleh mewakafkan harta kepada warisnya.

(2) Jika *waqif* berada dalam keadaan *marad al maut*, dia tidak boleh membuat wakaf kepada warisnya kecuali dengan persetujuan semua waris.

(3) Sesuatu wakaf adalah tidak sah jika *waqif* mewakafkan hartanya secara berwasiat kepada warisnya kecuali dengan persetujuan semua waris.

#### Wakaf kepada bukan waris

32. (1) Mana-mana orang yang berhasrat untuk berwakaf boleh mewakafkan harta kepada bukan warisnya.

(2) Jika *waqif* berada dalam keadaan *marad al maut*, dia tidak boleh membuat wakaf kepada bukan warisnya lebih daripada satu pertiga hartanya kecuali dengan persetujuan semua waris.

(3) Sesuatu wakaf adalah tidak sah jika *waqif* mewakafkan hartanya secara berwasiat kepada bukan warisnya lebih daripada satu pertiga hartanya kecuali dengan persetujuan semua waris.

### **Wakaf secara wasiat**

**33.** (1) Mana-mana orang yang berhasrat untuk berwakaf boleh mewujudkan suatu wakaf secara wasiat dan hendaklah mula berkuat kuasa selepas kematiannya.

(2) Seseorang wasi yang telah dilantik hendaklah melaksanakan wakaf secara wasiat yang dibuat oleh *waqif*.

(3) Wasi hendaklah, selepas kematian *waqif*, mendapatkan persetujuan daripada semua waris untuk melaksanakan wakaf itu sekiranya *waqif* menamakan waris sebagai penerima wakaf secara wasiat.

(4) Wasi hendaklah, selepas kematian *waqif*, mendapatkan persetujuan daripada semua waris untuk melaksanakan wakaf itu sekiranya *waqif* menamakan bukan waris sebagai penerima wakaf secara wasiat yang melebihi satu pertiga daripada harta *waqif*.

(5) Wakaf secara wasiat hendaklah dilaksanakan menurut peruntukan Enakmen ini.

### **Kadar wakaf secara wasiat**

**34.** *Mawquf* yang diwakafkan melalui wasiat kepada bukan warisnya hendaklah tidak melebihi satu pertiga daripada jumlah harta peninggalan *waqif* setelah ditolak hutang dan apa-apa tanggungan mengikut Hukum Syarak, kecuali dengan persetujuan semua waris.

### **Wakaf secara wasiat yang tidak dilaksanakan**

**35.** Jika dalam hal keadaan sesuatu wakaf secara wasiat tidak dilaksanakan, pihak yang berkepentingan terhadap sesuatu *mawquf* itu boleh memohon suatu perintah Mahkamah terhadap *wasi* bagi melaksanakan wakaf secara wasiat tersebut.



## BAHAGIAN VIII

## KUMPULAN WANG WAKAF

**Kumpulan Wang Wakaf**

36. (1) Bagi maksud Enakmen ini, Majlis hendaklah menubuhkan suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai Kumpulan Wang Wakaf.

(2) Kumpulan Wang Wakaf hendaklah ditadbir dan diuruskan oleh Majlis melalui Perbadanan.

(3) Kumpulan Wang Wakaf hendaklah terdiri daripada wang asas wakaf dan wang manfaat wakaf.

(4) Bagi maksud seksyen ini, akaun wang asas wakaf dan akaun wang manfaat wakaf hendaklah diwujudkan secara berasingan.

**Manfaat atau kepentingan daripada wakaf am dan wakaf khas**

37. (1) Segala manfaat atau kepentingan daripada suatu wakaf am hendaklah dibayar kepada dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Wakaf.

(2) Segala manfaat atau kepentingan daripada suatu wakaf khas hendaklah digunakan mengikut terma yang ditentukan oleh *waqif* kecuali bagi terma yang bercanggah dengan Hukum Syarak.

**Penggunaan dana Kumpulan Wang Wakaf**

38. (1) Wang asas wakaf boleh digunakan bagi maksud—

(a) pembelian apa-apa harta sebagai suatu wakaf di bawah seksyen 6; atau

(b) pelaksanaan apa-apa wakaf dan pembiayaan pembangunan apa-apa *mawquf* tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut oleh Majlis.

- (2) Wang manfaat wakaf boleh digunakan bagi maksud—
- (a) pembayaran segala kos, caj dan perbelanjaan pentadbiran mana-mana wakaf atau *mawquf* termasuklah kos penyenggaraan dan pembaikan mana-mana *mawquf*; atau
  - (b) apa-apa perbelanjaan lain berkaitan dengan wakaf atau *mawquf* yang difikirkan wajar oleh Perbadanan dalam melaksanakan peruntukan Enakmen ini.

### **Akaun dan Laporan Kumpulan Wang Wakaf**

39. (1) Perbadanan hendaklah—

- (a) menyebabkan supaya disimpan akaun yang sepatutnya dan rekod lain berkenaan dengan pentadbiran Kumpulan Wang Wakaf;
- (b) menyebabkan supaya disediakan suatu penyata akaun Kumpulan Wang Wakaf bagi setiap tahun kewangan;
- (c) menyebabkan supaya penyata akaun Kumpulan Wang Wakaf diaudit pada akhir setiap tahun kewangan oleh juruaudit; dan
- (d) sebaik diterima penyata akaun Kumpulan Wang Wakaf yang telah diaudit di bawah perenggan (c), mengemukakan penyata akaun itu kepada Majlis.

(2) Walau apa pun perenggan (1)(d), Majlis boleh mengarahkan Perbadanan supaya mengemukakan laporan kewangan Kumpulan Wang Wakaf dari semasa ke semasa.

(3) Tahun kewangan bagi Kumpulan Wang Wakaf hendaklah bermula pada 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

## BAHAGIAN IX

## PENENTUAN HUKUM SYARAK

**Rujukan kepada Jawatankuasa Fatwa**

**40.** Jika terdapat apa-apa persoalan Hukum Syarak berkaitan dengan rukun wakaf, atau perkara yang bersampingan dengannya yang perlu diputuskan, Perbadanan hendaklah merujuk kepada Jawatankuasa Fatwa tentang persoalan itu.

**Istibdal *mawquf***

**41.** (1) Tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Fatwa, Majlis boleh mengistibdalkan mana-mana *mawquf* dalam hal keadaan yang berikut:

- (a) jika mana-mana syarat wakaf tidak selaras dengan mana-mana undang-undang bertulis;
- (b) jika *mawquf* diambil oleh mana-mana pihak berkuasa mengikut mana-mana undang-undang bertulis;
- (c) jika kegunaan *mawquf* tidak mendatangkan manfaat atau kepentingan sebagaimana yang dikehendaki oleh *waqif*;
- (d) jika kegunaan *mawquf* tidak menepati tujuan wakaf;
- (e) jika mana-mana syarat yang ditetapkan oleh *waqif* tidak dapat dilaksanakan disebabkan berlalu masa atau berlaku perubahan keadaan;
- (f) jika Majlis hendak mengistibdalkan masjid atau tapak masjid yang telah menjadi *mawquf*;
- (g) jika mana-mana syarat yang telah ditetapkan oleh *waqif* tidak dapat dilaksanakan dan Majlis berhasrat untuk melaksanakan wakaf itu dengan cara yang sehampir mungkin sama dengan syarat yang ditetapkan oleh *waqif*; atau
- (h) dalam hal keadaan lain yang difikirkan perlu oleh Majlis.

(2) Nilai *mawquf* yang diperoleh melalui istibdal hendaklah tidak kurang daripada nilai semasa *mawquf* asal.

(3) Majlis hendaklah mengistibdalkan apa-apa *mawquf* sama ada keseluruhan atau sebahagiannya dalam tempoh yang munasabah.

### ***Mawquf* wakaf khas terbiar**

42. Majlis boleh, setelah merujuk kepada Jawatankuasa Fatwa, mentadbir dan mengurus *mawquf* bagi wakaf khas yang terbiar mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut.

## BAHAGIAN X

### PERUNTUKAN AM

#### **Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan**

43. (1) Majlis boleh, dengan kelulusan Duli Yang Maha Mulia Sultan, membuat peraturan-peraturan, yang hendaklah disiarkan dalam *Warta* bagi melaksanakan peruntukan Enakmen ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh dibuat untuk mengadakan peruntukan bagi—

- (a) tatacara pendaftaran wakaf;
- (b) tatacara kewangan dan pengurusan Kumpulan Wang Wakaf;
- (c) fi dan bayaran;
- (d) pelaksanaan pentadbiran dan pengurusan wakaf;
- (e) tatacara pembangunan, pembelian dan pelupusan *mawquf*;
- (f) pelaksanaan dan pengurusan saham wakaf dan wakaf saham;
- (g) tatacara mewujudkan wakaf am atau wakaf khas; dan
- (h) perkara-perkara lain yang perlu atau suai manfaat bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Enakmen ini.

**Kawalan Majlis atau Perbadanan ke atas *mawquf***

44. Majlis atau Perbadanan boleh mengambil tindakan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa terhadap mana-mana orang yang—

- (a) menghuni, menduduki atau menceroboh mana-mana *mawquf*;
- (b) mendirikan apa-apa binaan atau struktur di atas mana-mana *mawquf*;
- (c) meneroka, memagar, membajak, mengepung, mengusahakan atau bercucuk tanam di atas mana-mana *mawquf*;
- (d) memusnah, mengambil, memindah atau mengeluarkan apa-apa hasil daripada mana-mana *mawquf*;
- (e) membiarkan binatang ternakannya merayau-rayau di atas *mawquf* dan merosakkan apa-apa tumbuhan atau tanaman yang diusahakan di atas *mawquf* itu; atau
- (f) menyebabkan kerosakan kepada apa-apa tumbuhan atau tanaman yang diusahakan di atas mana-mana *mawquf*, dengan apa-apa cara.

**Mentadbir atau mengurus wakaf am atau wakaf khas tanpa kebenaran Majlis atau Perbadanan**

45. Mana-mana orang yang mentadbir atau mengurus wakaf am atau wakaf khas tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis atau Perbadanan melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi seribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

**Pengertian surat cara atau perisytiharan**

46. Jika, pada pendapat Perbadanan, makna atau kesan mana-mana surat cara atau perisytiharan yang mewujudkan atau menyentuh mana-mana wakaf adalah samar-samar atau tidak jelas,

Perbadanan boleh merujukkan perkara itu kepada Mahkamah bagi mendapatkan keputusannya mengenai makna dan kesan tersebut dan hendaklah bertindak menurut apa-apa perintah yang dibuat oleh Mahkamah.

### **Hukum Syarak**

47. (1) Mana-mana peruntukan atau tafsiran peruntukan di bawah Enakmen ini yang berlawanan dengan Hukum Syarak hendaklah terbatal setakat yang berlawanan itu.

(2) Jika terdapat apa-apa lakuna atau perkara yang tidak diperuntukkan dengan nyata dalam Enakmen ini, Mahkamah hendaklah merujuk kepada Hukum Syarak.

### **Pemansuhan**

48. Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 1999 [*Enakmen No. 7 tahun 1999*] adalah dimansuhkan.

### **Kecualian dan peralihan**

49. (1) Semua peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, perisytiharan, perintah, pemberitahuan, notis, borang, surat kebenaran, atau pelantikan yang dikeluarkan atau dibuat di bawah Enakmen yang dimansuhkan hendaklah terus berkuat kuasa, setakat yang tidak bertentangan dengan Enakmen ini, sehingga dibatalkan atau digantikan dengan peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, perisytiharan, perintah, pemberitahuan, notis, borang, surat kebenaran, atau pelantikan yang dikeluarkan atau dibuat di bawah Enakmen ini.

(2) Apabila Enakmen ini mula berkuat kuasa, segala kuasa, hak, keistimewaan, tanggungan dan kewajipan yang terletak hak kepada Majlis di bawah Enakmen yang dimansuhkan hendaklah disifatkan terus terletak hak kepada Majlis di bawah Enakmen ini.

(3) Perintah Penubuhan Perbadanan Wakaf Selangor 2011 yang dibuat di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 hendaklah disifatkan terus berkuat kuasa selaras dengan peruntukan perenggan 4(1)(a) Enakmen ini.

(4) Apa-apa sebutan mengenai Majlis atau Perbadanan dalam mana-mana undang-undang bertulis lain atau dokumen yang berkuat kuasa sebaik sebelum Enakmen ini mula berkuat kuasa hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Majlis atau Perbadanan di bawah Enakmen ini.

(5) Segala surat ikatan, bon, perjanjian, surat cara dan perkiraan kerja yang disempurnakan atau dibuat di bawah Enakmen yang dimansuhkan sebaik sebelum Enakmen ini mula berkuat kuasa atau bagi pihak Majlis atau Perbadanan, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah pada permulaan kuat kuasa Enakmen ini disifatkan telah disempurnakan atau dibuat di bawah nama atau bagi pihak Majlis atau Perbadanan di bawah Enakmen ini.

(6) Apa-apa permohonan, kelulusan, atau keputusan yang belum selesai di hadapan Majlis atau Perbadanan sebaik sebelum Enakmen ini berkuat kuasa hendaklah, apabila Enakmen ini berkuat kuasa, diuruskan atau diputuskan oleh Majlis atau Perbadanan menurut Enakmen ini.

(7) Apa-apa prosiding, sama ada sivil atau jenayah atau mal di mana-mana Mahkamah Sivil atau Mahkamah Syariah atau tindakan yang belum selesai atau yang wujud, sebaik sebelum Enakmen ini mula berkuat kuasa oleh atau terhadap Majlis atau Perbadanan di bawah Enakmen yang dimansuhkan, atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak Majlis atau Perbadanan di bawah Enakmen yang dimansuhkan boleh diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap Majlis atau Perbadanan seolah-olah Enakmen ini tidak diperbuat.

(8) Apa-apa rayuan yang dibawa atau apa-apa kebenaran merayu yang dipohon, pada atau selepas Enakmen ini berkuat kuasa, terhadap sesuatu keputusan yang diberikan dalam mana-mana prosiding undang-undang sebaik sebelum Enakmen ini berkuat kuasa yang kepadanya Majlis atau Perbadanan menjadi pihak boleh dibawa atau dipohon oleh atau terhadap Majlis atau Perbadanan seolah-olah Enakmen ini tidak diperbuat.

JADUAL

[Subseksyen 2(3)]

PERKATAAN/UNGKAPAN TERTENTU	SKRIP BAHASA ARAB
<i>Baitulmal</i>	بيت المال
<i>Hibah</i>	هبة
<i>Hukum Syarak</i>	حكم شرع
<i>Istibdal</i>	استبدال
<i>Marad al maut</i>	مرض الموت
<i>Mawquf</i>	موقوف
<i>Mawquf 'alaih</i>	موقوف عليه
<i>Mufti</i>	مفتى
<i>Syariah</i>	شريعة
<i>Sighah</i>	صيغة
<i>Wakaf</i>	وقف
<i>Wakaf am</i>	وقف عام
<i>Wakaf khas</i>	وقف خاص
<i>Waqif</i>	واقف
<i>Wasi</i>	واصي

Diluluskan pada 17 Ogos 2015  
[P.U. Sel. (ADV)GUB(R)06/09]

ELYA MARINI BINTI DARMIN  
Setiausaha Dewan Negeri  
Selangor





# **LAWS OF THE STATE OF SELANGOR**

**Enactment 15**

**WAKAF (STATE OF SELANGOR)  
ENACTMENT 2015**

Date of Royal Assent ... .. 30 September 2015

Date of publication in the *Gazette* ... .. 19 October 2015

**Publisher's Copyright ©**

**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system or transmitted in any form or by any means electronic, mechanical, photocopying, recording and/or otherwise without the prior permission of **Percetakan Nasional Malaysia Berhad** (Appointed Printer to the Government of Malaysia).

